



MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY

**STANDARDS**  
MALAYSIA

## **MALAYSIA DIPILIH SEMULA UNTUK MENERAJUI LEMBAGA PENGARAH SMIIC**

**KUALA LUMPUR, NOVEMBER 2** - Malaysia telah berjaya memenangi kerusi dalam pemilihan semula ahli Lembaga Pengarah (*Board of Directors*) *The Standards and Metrology Institute for Islamic Countries (SMIIC)*\* bagi penggal 2022-2024 di Perhimpunan Agung Ke-16 SMIIC, yang telah diadakan pada hari ini.

Keputusan undian yang diumumkan pada pukul 3.00 petang waktu Madinah (8.00 malam waktu Malaysia) menyaksikan sebanyak 13 negara anggota SMIIC telah berjaya di dalam sesi pengundian bagi pemilihan ahli Lembaga Pengarah kali ini iaitu **Malaysia, Cameroon, Mesir, Morocco, Iran, Iraq, Jordan, Pakistan, Palestine, Arab Saudi, Tunisia, Turki dan Emiriah Arab Bersatu (UAE)**.

Sebagai struktur tadbir urus tertinggi diperingkat SMIIC, kepercayaan yang diberikan oleh ahli SMIIC dengan pelantikan semula Malaysia sebagai ahli Lembaga Pengarah SMIIC bagi tempoh tiga (3) tahun akan datang wajar dimanfaatkan sepenuhnya dimana Malaysia berpeluang menggubal dasar, halatuju, perancangan program dan agenda standard dan pematuhan terutamanya sektor halal dikalangan negara-negara Islam OIC.

Selain ahli Lembaga Pengarah, Malaysia turut memenangi kerusi bagi *Standardisation of Management Council (SMC)* dan *Management of Accreditation Council (MAC)*, iaitu Jawatankuasa yang memantau segala aktiviti yang dijalankan oleh *Technical Committee (TC)* dalam membangunkan aktiviti standardisasi dan akreditasi di SMIIC. Selain Malaysia negara anggota yang berjaya memenangi kerusi SMC dan MAC adalah seperti di bawah:

***Standardisation Management Council (SMC):***

- 1) Republic of Cameroon
- 2) Arab Republic of Egypt
- 3) Hashemite Kingdom of Jordan
- 4) Malaysia
- 5) Islamic Republic of Pakistan
- 6) Kingdom of Saudi Arabia
- 7) Republic of Tunisia
- 8) Republic of Turkey
- 9) United Arab Emirates

***Management of Accreditation Council (MAC):***

- 1) Republic of Cameroon
- 2) Arab Republic of Egypt
- 3) Islamic Republic of Iran
- 4) Republic of Iraq
- 5) Hashemite Kingdom of Jordan
- 6) Malaysia
- 7) Kingdom of Morocco
- 8) Kingdom of Saudi Arabia
- 9) Republic of Sudan
- 10) Republic of Tunisia

Sejak menganggotai SMIIC pada 2014, Jabatan Standard Malaysia telah terlibat secara aktif dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa Teknikal (*Technical Committee*) seperti TC10 *Halal Supply Chain* dan TC16 *Halal Pharmaceutical Issues* di mana Malaysia merupakan Sekretariat dan Pengerusi bagi kedua-dua Jawatankuasa tersebut diperingkat SMIIC.

Sehingga hari ini, MITI melalui Jabatan Standard Malaysia telah membangunkan 15 standard halal dalam pelbagai bidang halal merangkumi makanan, farmaseutikal, logistik, produk penjagaan peribadi, ujian makmal halal, perkhidmatan hospitaliti mesra muslim dan sebagainya. Standard halal Malaysia sentiasa menjadi penanda aras dan rujukan kepada negara-negara OIC. Selain itu, terdapat 31 buah makmal ujian halal yang telah diakredit di bawah Standards

Malaysia di seluruh Malaysia untuk melindungi kepentingan ummah dan merencanakan ekosistem halal Malaysia.

\* Maklumat lanjut mengenai SMIIC: <https://www.smiic.org/>

**TAMAT-----**

**Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Standard Malaysia  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI)  
Phone: 03-8008 2891, Fax: 03-8008 2901  
Emel: noor\_hidayah@jsm.gov.my  
Website: [www.jsm.gov.my](http://www.jsm.gov.my)**